

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 07 MAC 2018

MUKA SURAT: 08

Mangsa boleh menuntut pampasan

Kuala Lumpur: Mangsa kejadian pokok tumbang di Jalan Ampang semalam, boleh membuat tuntutan pampasan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Mhd Amin Nor-din Abd Aziz, ketika dihubungi berkata, mangsa terbabit boleh membuat tuntutan mengikut prosedur yang ditetapkan.

“Tuntutan membabitkan kes seumpama itu adalah perkara yang sedia ada dalam insurans yang dipanggil Tanggungan Awam (public liability). Jadi mangsa boleh buat tuntutan mengikut prosedur

di Jabatan Landskap DBKL.

“Mangsa perlu serahkan dokumen lengkap yang diperlukan seperti bil rosakan harta benda dan bil hospital. Jabatan terbabit akan beri penerangan kepada mangsa untuk proses tuntutan.” katanya, semalam.

Mhd Amin berkata, setiap pokok di Kuala Lumpur adalah dilindungi oleh insurans.

Dalam kejadian kira-kira jam 7.43 pagi semalam, sepasang suami isteri yang menaiki motosikal nyaris dihempap sebatang pokok tumbang di Jalan Ampang berdekatan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini.

FAKTA
Tuntutan membabitkan kes seumpama itu adalah perkara yang sedia ada dalam insurans

KERJA membersihkan kawasan kejadian pokok tumbang yang menghempap penunggang motosikal dijalankan.

